



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELESENAN PUNCA AIR MINUMAN BERBUNGKUS DAN AIR MINERAL SEMULAJADI

**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.
PUTRAJAYA
2009**

NO. KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Pengenalan	4
2. Definasi	4
3. Prosedur Permohonan	
3.1 Kelayakan Pemohon Mengemukakan Borang Permohonan Lesen Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi	5
3.2 Cara Memohon Lesen	6
3.3 Kaedah Untuk Mendapatkan Dokumen Sokongan Bagi Melayakkan Memohon Lesen Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.	6
3.3.1 Borang Permohonan AMBAMS-AP	6
3.3.2 Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi	7
3.3.3 Laporan dan sokongan Punca dari Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah atau Negeri	8
3.3.4 Laporan Perakuan dan Sokongan dari Jabatan Kesihatan Negeri	9
3.3.5 Laporan Perakuan Juruanalisis Sampel Air	10
3.3.6 Laporan Perakuan label AMB/AMS	11
4. Tempoh yang diambil bagi meluluskan permohonan punca air minuman berbungkus dan air mineral semulajadi	12
5. Lesen Punca Bagi AMB/AMS	12
6. Tempoh sah laku lesen punca AMB/AMS	12
7. Syarat-syarat pemegang lesen Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi	13

NO. KANDUNGAN		MUKA SURAT
8.	Pengantungan Punca Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi	13
9.	Pembatalan lesen punca Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.	13
Lampiran 1	Borang Permohonan –AMBAMS-AP	15
Lampiran 2	Panduan Penyediaan Telaga bagi Air Bawah tanah	17
Lampiran 3	Format surat permohonan perakuan dan sokongan dari Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah atau Negeri	20
Lampiran 4	Alamat Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah dan Negeri	21
Lampiran 5	Borang AMBAMS-AP-JKN	24
Lampiran 6	Senarai Alamat Jabatan Kesihatan Negeri	26
Lampiran 7	Panduan Pensampelan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi	28
Lampiran 8	Borang Permohonan Khidmat Nasihat Pelabelan	33
Lampiran 9	Carta Alir Proses Mendapatkan Sokongan Jabatan dan Permohonan Lesen AMB- Bekalan Air Awam.	35
Lampiran 10	Carta Alir Proses Mendapatkan Sokongan Jabatan dan Permohonan Lesen AMB/AMS - Bekalan Air Bawah tanah.	37
Lampiran 11	Syarat-syarat Pemegang Lesen Air Minuman Berbungkus	39
Lampiran 12	Syarat-syarat Pemegang Lesen Air Mineral Semulajadi.	40
Lampiran 13	Jadual Ke 25- Standard bagi air minuman berbungkus	42
Lampiran 14	Jadual Ke 26- Standard bagi air mineral semulajadi	44

PERINGATAN KEPADA PEMOHON:

Pemohon diingatkan supaya membaca dengan teliti prosedur permohonan ini dan mematuhi segala syarat yang diperlukan. Hanya permohonan yang layak dan lengkap sahaja akan dipertimbangkan.

Pemohon dinasihatkan mendapat pandangan dan panduan terlebih dahulu melalui Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan di Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat sebelum memulakan pembinaan punca atau kilang memproses air minuman berbungkus dan air mineral semulajadi bagi mengelakkan kesukaran semasa mendapat sokongan dari jabatan-jabatan berkenaan.

Kelulusan adalah berdasarkan dokumen yang disediakan. Sebarang perubahan atau penambahan pada sistem pemprosesan selepas kelulusan hendaklah dimaklum dan diluluskan oleh pihak pengeluar lesen iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia.

1 PENGENALAN .

Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggungjawab untuk menggalakkan serta mempromosikan kesihatan yang optimum di kalangan rakyat negara ini. Antaranya berkaitan dengan keselamatan dan kualiti air minuman berbungkus (AMB) dan air mineral semulajadi(AMS). Kementerian Kesihatan Malaysia berpendapat cara untuk menangani masalah ini adalah dengan menguatkuasakan Akta Makanan 1983. Peraturan 360A dan Peraturan 360B, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, menetapkan standard, pemantauan dengan mewujudkan keperluan perlesenan kepada punca air dalam memperdagangkan air mineral semulajadi dan air minuman berbungkus.

Panduan Permohonan Pelesenan Punca Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi merupakan pemudahcara kepada pengusaha membuat permohonan pelesenan. Pegawai-pegawai yang terlibat dapat memproses permohonan pelesenan juga dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih profesional, telus, cepat dan tepat.

2 DEFINASI

Pengarah	:	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia.
Pegawai Diberi kuasa	:	Pegawai yang dilantik di bawah Akta Makanan 1983 oleh Menteri Kesihatan Malaysia.
Bekalan Air Awam	:	Air yang telah dirawat dan dibekalkan oleh Penguasa air untuk kegunaan orang ramai.
Air minuman berbungkus	;	Air Minuman Berbungkus telah ditakrifkan sebagai, Air minuman atau air minuman yang diperlakukan dan mematuhi Jadual Ke-25 Peraturan-Peraturan Makanan 1985 selain daripada air mineral semulajadi,

**Air Mineral
Semulajadi**

yang berkedap dalam botol atau lain-lain bungkus dan dicadangkan untuk makanan manusia.

: Air mineral semulajadi hendaklah air bawah tanah yang diperolehi untuk makanan manusia daripada strata kandungan air bawah tanah melalui mata air, telaga, geredan atau lain-lain jalan keluar, dengan atau tanpa tambahan karbon dioksida.

3 PROSEDUR PERMOHONAN

3.1 Kelayakan Pemohon Mengemukakan Borang Permohonan Lesen AMB/AMS

3.1.1 Pemohon hendaklah memastikan punca air, kilang dan peralatan bagi memproses AMB/AMS telah siap dibina serta sedia untuk digunakan.

3.1.2 Permohonan lesen AMB/AMS boleh dimulakan apabila pemohon telah memenuhi pra-syarat dengan menyediakan dokumen-dokumen berikut;

- i. Borang permohonan (AMBAMS-AP)
- ii. Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.
- iii. *Laporan Perakuan dan sokongan Jabatan Mineral dan Geosains Negeri atau Wilayah bagi Punca air bawah tanah.
- iv. Laporan Perakuan dan sokongan dari Jabatan Kesihatan Negeri di mana kilang terletak.
- vi. Laporan Keputusan analisa (Mikrobiologi, Kimia dan Radioaktif) sampel air.
- v. Laporan Perakuan label Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.

3.2 Cara Memohon Lesen

- 3.2.1 Permohonan kelulusan lesen AMB/AMS dibuat dengan menghantar dokumen di para 3.1.2 di atas kepada **Pengarah, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Aras 3, Blok E7, Parcel E, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Persekutuan Kementerian Kesihatan Malaysia, 62590 Putrajaya.**
- 3.2.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan wang pos atau bank draf atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia** bernilai RM130.00 sebagai fi permohonan.
- 3.2.3 Fi ini tidak akan dikembalikan.
- 3.2.4 Lesen akan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja sekiranya semua pra-syarat dipatuhi.

3.3 Kaedah Untuk Mendapatkan Dokumen-dokumen Bagi Melayakkan Memohon Lesen AMB/AMS

Bahagian ini menerangkan kaedah-kaedah bagi pemohon memperolehi dokumen-dokumen pra-syarat bagi melayakkan pemohon untuk membuat permohonan pelesenan punca air minuman berbungkus dan air mineral semulajadi.

3.3.1 Borang Permohonan (AMBAMS-AP)

- i. Borang permohonan boleh didapati dengan memuat turun dari laman web Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan <http://fsq.moh.gov.my> atau dengan datang sendiri di pejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), KKM, Putrajaya atau di mana-mana Jabatan Kesihatan Negeri.
- ii. Borang AMBAMS-AP hendaklah diisi dan dihantar bersama-sama dokumen-dokumen lain sebagaimana tersenarai diatas Para 3.1.2.

3.3.2 Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi

- i. Manual ini merupakan dokumen lengkap yang menjelaskan berkaitan Syarikat, punca, sistem pemprosesan dan elemen-elemen amalan pengilangan yang baik (Good Manufacture Practice) yang perlu diamalkan oleh setiap syarikat yang telah dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ii. Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi hendaklah lengkap sebagaimana dikehendaki dan diimplemen oleh syarikat.
- iii. Manual ini hendaklah mengandungi semua elemen yang terdapat di dalam Garis Panduan Penyediaan Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi **(Rujuk Garis Panduan Penyediaan Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi)**.
- iv. Dokumen sokongan yang disenaraikan di dalam Garis Panduan Penyediaan Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi hendaklah disediakan oleh pemohon dengan lengkap.
- v. Manual ini hendaklah disediakan dua (4) salinan bagi punca bekalan air awam manakala bagi punca air bawah tanah sebanyak empat (6) salinan. Pecahan pembahagian manual adalah sebagaimana berikut.
 - a. *Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah dan Negeri.
 - b. Jabatan Kesihatan Negeri
 - c. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Putrajaya
- vi. Manual yang dihantar semasa permohonan ke Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan hendaklah dikemaskini dengan memasukkan setiap teguran atau dokumen tambahan yang ditambah atau diubah semasa proses mendapatkan sokongan dari jabatan-jabatan terlibat

- vii. Bagi produk yang diimport semua dokumen hendaklah disahkan oleh Kedutaan Malaysia di negara tersebut dan bagi maklumat geologi dan hidrogeologi hendaklah disahkan oleh pihak berkuasa berkaitan di negara pengekspor. Surat sokongan daripada agensi bertanggungjawab di negara yang menyatakan produk yang dihasilkan mematuhi tahap kebersihan juga diperlukan.
- viii. Manual ini hendaklah disertakan semasa permohonan perakuan dan sokongan ke Jabatan-jabatan terlibat dibuat.

3.3.3 Laporan Perakuan dan Sokongan daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

- i. Perakuan ini hanya diperlukan bagi punca air bawah tanah sahaja.
- ii. Perakuan dan sokongan dari JMG hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum permohonan sokongan dari Jabatan Kesihatan Negeri di buat.
- iii. Perakuan daripada JMG boleh dibuat sekiranya pemohon telah menyediakan telaga bagi punca air bawah tanah sebagaimana disyaratkan oleh JMG. (Lampiran 2)
- iv. Memandangkan kos pembinaan telaga adalah tinggi, pemohon adalah dinasihatkan mendapat nasihat dari pihak JMG berdekatan bagi memastikan kesesuaian punca dan air bawah tanah.
- v. Pemohon hendaklah memohon perakuan ini dengan menghantar surat permohonan sebagaimana di Lampiran 3 kepada Pengarah, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, di Negeri atau Wilayah dimana punca terletak.
- vi. Senarai alamat Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Wilayah dan Negeri adalah sebagaimana di Lampiran 4.
- vii. Surat permohonan perakuan dan sokongan daripada JMG hendaklah disertakan dengan maklumat-maklumat berikut ;
 - a. Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.

- b. Laporan keputusan analisa mikrobiologi, kimia dan radioaktif bagi punca daripada Jabatan Kimia Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia.
- viii. Siasatan tapak/punca oleh JMG akan dijalankan hanya selepas dokumen yang lengkap daripada pemohon telah diterima dan disemak.
- ix. Segala dokumen tambahan dan komen dari JMG hendaklah dikemaskinikan kedalam manual bagi rujukan seterusnya semasa permohonan lesen dibuat.
- x. JMG akan mengenakan bayaran terhadap perkhidmatan yang diberikan.
- xi. JMG akan mengeluarkan satu perakuan dan sokongan berkaitan punca air bawah tanah untuk melayakkan pemohon memohon perlesenan AMB dan AMS.
- xii. Perakuan dan sokongan dari pada JMG diperlukan semasa memohon perakuan dan sokongan daripada Jabatan Kesihatan Negeri.
- xiii. Perakuan dan sokongan dari JMG hanya sah bagi tempoh 6 bulan dari tarikh surat perakuan dan sokongan tersebut.
- xiv. Bagi produk yang diimport pemohonan hendaklah dibuat ke Ibu Pejabat **Jabatan Mineral dan Geosains, Tingkat 20, Bangunan Tabung Haji, Jalan Tun Razak, 50658 Kuala Lumpur.**

3.3.4 Laporan Perakuan dan Sokongan dari Jabatan Kesihatan Negeri

- i. Laporan perakuan dan sokongan ini boleh diperolehi daripada Jabatan Kesihatan Negeri di mana punca AMB/AMS terletak.
- ii. Pemohon hendaklah mengisi Borang AMBAMS-AP-JKN (Lampiran 5) dan dihantar ke Jabatan Kesihatan Negeri (Lampiran 6) dengan mengemukakan maklumat-maklumat berikut:-

- a. Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.
 - b. Laporan Perakuan juruanalisis produk akhir AMB/AMS daripada Jabatan Kimia Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia.
 - c. Laporan Perakuan dan Sokongan bagi Punca Air bawah tanah daripada Jabatan Mineral dan Geosains.
 - d. Surat sokongan dan kebenaran daripada Jabatan Alam Sekitar bagi punca air bawah tanah.
- iii. Jabatan Kesihatan Negeri akan mengeluarkan laporan perakuan selepas berpuashati dengan Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi, verifikasi punca dan penilaian kebersihan kilang AMB/AMS.
- iv. Segala pembetulan dan penambahbaikan yang dikeluarkan semasa mendapat surat sokongan dan perakuan dari JKN hendaklah di kemaskinikan kedalam Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.
- v. Sistem pemprosesan yang telah diperakukan atau di sokong **tidak boleh diubah tanpa kelulusan** oleh Pengarah, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan.
- vi. Surat sokongan dan kebenaran JKN hanya sah untuk permohonan lesen dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat sokongan tersebut dikeluarkan.

3.3.5 Laporan Keputusan Analisis Sampel Air

- i. **Sampel Air di Punca**
 - a. Bagi punca air bawah tanah pensampelan pada punca hendaklah dijalankan oleh pemohon.
 - b. Panduan persampelan adalah sebagaimana di lampiran 7.

- c. Pensampelan hendaklah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya bagi analisa mikrobiologi dan kimia manakala sampel radioaktif dihantar ke Agensi Nuklear Malaysia, Bangi.
- d. Keputusan analisa hendaklah diserahkan kepada JMG semasa memohon perakuan dan sokongan JMG dibuat.
- e. Keputusan analisa bagi punca hanya sah untuk dikemukakan sebagai dokumen permohonan bagi tempoh 6 bulan dari tarikh keputusan analisa dikeluarkan.

ii. **Sampel Air Produk Akhir**

- a. Pensampelan bagi produk akhir AMB/AMS hendaklah dijalankan oleh pemohon bagi analisa Mikrobiologi, Kimia dan Radioaktif.
- b. Sampel- sampel yang diambil hendaklah dihantar ke Makmal Jabatan Kimia Petaling Jaya bagi analisa mikrobiologi dan kimia. Manakala sampel bagi analisa radioaktif hendaklah dihantar ke Agensi Nuklear Malaysia, Bangi.
- c. Panduan pensampelan adalah sebagaimana di Lampiran 8.
- d. Perakuan Juruanalisis bagi analisa mikrobiologi, kimia dan radioaktif yang diterima hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Kesihatan Negeri semasa permohonan Laporan Perakuan daripada Jabatan Kesihatan Negeri dibuat.
- e. Hanya perakuan juruanalisis daripada Makmal Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya dan Agensi Nuklear Malaysia sahaja diterima bagi memohon perakuan Jabatan Kesihatan Negeri.
- f. Keputusan analisa bagi punca hanya sah untuk dikemukakan sebagai dokumen permohonan bagi tempoh 3 bulan dari tarikh keputusan analisa dikeluarkan.

3.3.6 Laporan Perakuan label AMB/ AMS.

- i. Laporan perakuan label boleh diperolehi dengan memohon melalui Seksyen Standard dan Perundangan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya.
- ii. Perakuan ini dikecualikan dari bayaran Fi.
- iii. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang sebagaimana di **Lampiran 8**.

4 TEMPOH YANG DIAMBIL BAGI MELULUSKAN PERMOHONAN PUNCA AIR MINUMAN BERBUNGKUS DAN AIR MINERAL SEMULAJADI

- 4.1 Tempoh masa yang diambil bagi memproses satu permohonan bagi kelulusan punca AMB/AMS adalah tiga (3) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 4.2 Aliran proses pengurusan permohonan lesen AMB/AMS daripada punca air yang dirawat adalah sebagaimana di Lampiran 9 dan Lampiran 10.

5 LESEN BAGI AMB/AMS

- 5.1 Kelulusan lesen akan dikeluarkan kepada pemohon selepas Pengarah BKKM berpuashati dengan dokumen permohonan dan syarat-syarat kelayakan memohon dipatuhi.
- 5.2 Lesen hanya akan dikeluarkan apabila fi lesen sebanyak RM6000.00 di terima melalui wang pos atau bank draf atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 5.3 Lesen tidak boleh ditukar milik kecuali kebenaran oleh Pengarah dengan syarat-syarat tertentu.

6 TEMPOH SAH LAKU LESEN PUNCA AMB/AMS

Lesen punca AMB/AMS adalah sah selama mana punca tidak berubah dan syarat-syarat pemegang lesen dipatuhi.

7 SYARAT-SYARAT PEMEGANG LESEN AMB/AMS

- 7.1 Pemegang lesen punca AMB/AMS adalah tertakluk kepada syarat-syarat pemegang lesen sebagaimana terdapat di dalam Lampiran 11 bagi air minuman berbungkus dan Lampiran 12 bagi air mineral semulajadi.
- 7.2 Menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 360A(3A) dan Peraturan 360B(1C) Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- 7.3 Ketidakpatuhan kepada syarat-syarat pemegang lesen akan menyebabkan lesen punca AMB dan AMS **digantung** atau **dibatalkan** oleh Pengarah.
- 7.4 Pengarah boleh pada bila-bila masa mengubah atau menambah mana-mana syarat pemegang lesen.

8 PENGGANTUNGAN LESEN

- 8.1 Tindakan pengantungan akan diambil sekiranya pemegang lesen didapati melanggar mana-mana syarat pemegang lesen AMB/AMS.
- 8.2 Pemprosesan dan pengeluaran AMB/AMS tidak dibenarkan sepanjang tempoh pengantungan lesen.
- 8.3 Semasa pengantungan semua peralatan pemprosesan akan di lak di bawah Sek. 4(1)(f) Akta Makanan 1983.
- 8.4 Permohonan pelepasan dari penggantungan hendaklah dikemukakan kepada pengarah BKKM setelah tindakan pembetulan dilaksanakan.

9 PEMBATALAN LESEN PUNCA AMB.

- 9.1 Pembatalan lesen menyebabkan nombor kelulusan dibatalkan dan pemohon dikehendaki memohon semula lesen dengan mengemukakan semua dokumen-dokumen berkaitan.

- 9.2 Tindakan pembatalan akan diambil sekiranya pemegang lesen didapati melakukan perkara-perkara berikut:
- 9.2.1 Apabila tempoh penggantungan telah melebihi sebulan.
 - 9.2.2 Telah dikenakan tindakan penggantungan sebanyak 2 kali berturut – turut dalam tempoh satu tahun.
 - 9.2.3 Menjalankan pemprosesan dan pengeluaran dalam tempoh penggantungan.
 - 9.2.4 Apabila dibuktikan punca tidak selamat.
 - 9.2.5 Tidak dapat menjamin keselamatan dan kualiti air yang dikeluarkan.
 - 9.2.6 Mengubah sistem asal sebagaimana diluluskan tanpa kebenaran dari pengarah.
- 9.3 Permohonan kelulusan lesen hendaklah dibuat sekiranya pemegang lesen masih berminat untuk mendapatkan semula lesen.

Borang AMBAMS-AP



PERMOHONAN LESEN PUNCA AIR MINUMAN BERBUNGKUS (AMB)
 DAN AIR MINERAL SEMULAJADI (AMS)
**APPLICATION FOR LICENSE OF WATER SOURCE OF PACKAGED DRINKING WATER
 AND NATURAL MINERAL WATER**

Sila isi atau tandakan (/) di petak berkenaan bagi setiap butiran yang berkaitan
 (Please fill or tick wherever needed)

Jenis permohonan lesen (Type of application):

- ☐ Air Minuman Berbungkus (AMB) Tempatan / Local Packaged Drinking Water
- ☐ Air Minuman Berbungkus (AMB) Import / Imported Packaged Drinking Water
- ☐ Air Mineral Semulajadi (AMS) Tempatan/ Local Natural Mineral Water
- ☐ Air Mineral Semulajadi (AMS) Import/ Imported Natural Mineral Water

Maklumat Asas Pemohon

1. Nama Pemohon :
Name of Applicant
2. No. Kad Pengenalan(Baru / New)/Pasport:
I/C No./ Passport No.
3. Jawatan dalam Syarikat:
(Designation in company)
4. Nama Syarikat (Company name):
5. Alamat Syarikat (Company address):
.....
Poskod (Postcode)
6. Alamat pos (jika berlainan) :
(Postal Address if differ from the above)
Poskod (Postcode)
7. No. Tel. Pej.(Off. Tel. No.):
8. No. Faks (Fax No.) :
9. No. Tel. Bimbit (H.P No.) :
10. No. Pendaftaran Syarikat (ROC)-sertakan salinan sijil :
(ROC number - enclose copy of certificate)
11. Alamat e-mail (e-mail address) :
12. Alamat Kilang/Punca :
(Address of factory/Source)
Poskod (Postcode)

13 Fi pemprosesan(No.Bank Draf/Kiriman Wang Pos) :
(Processing Fee (Bank draf / Money Order No.))

Maklumat Produk (Product Description)

14. Jenis punca air/ (Tandakan /)
(Type of water source (Please tick /))

- ☐ Bekalan air awam / **Public water supply**
- ☐ Air tanah dari telaga tiub / **Groundwater from tube well**
- ☐ Air tanah dari mata air / **Groundwater from spring**
- ☐ Air permukaan / **Surface water**

15. Jenis proses rawatan air utama (Main Type of water processes)

- ☐ Penapisan sahaja (Filtration only)
- ☐ Osmosis Songsang (Reverse Osmosis)
- ☐ Penyulingan (Distillation)
- ☐ Lain-lain Proses Utama:Nyatakan :.....
(Other main process- discribe):

Pengakuan Pemohon (Applicant's declaration)

Bersama-sama ini disertakan dokumen yang diperlukan bagi permohonan punca AMB/AMS seperti berikut:(I hereby enclose the documents as required for the application of source of AMB/AMS)

- i. Borang permohonan AMBAMS-AP
- ii. Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.
- iii. Perakuan dan sokongan punca air bawah tanah dari Jabatan Mineral dan Geosains, Malaysia. (Jika berkaitan).
- iv. Perakuan dari Jabatan Kesihatan Negeri di mana kilang terletak.
- v. Laporan Keputusan analisa (Mikrobiologi, Kimia dan Radioaktif) sampel Air yang diproses.
- vi. Laporan Perakuan label AMB.

Saya, (I)

Jawatan: (Designation)

dengan ini mengaku bahawa ke semua maklumat yang diberikan di atas adalah benar.
(Hereby, declare that all the above information disclosed above is true)

Tarikh: (Date)

.....
(Tandatangan Pemohon) (Signature)
(Cop Syarikat) (Company Seal)

**PROVISIONAL GUIDELINES FOR TUBEWELL CONSTRUCTION
(FOR MINERAL WATER)**

1.0 BOREHOLE DRILLING

- 1.1 The borehole can be made using any conventional drilling method such as the cable tool, air/mud rotary percussion techniques.
- 1.2 When borehole has been drilled to the required depth, borehole cleaning should be carried out through continuation of circulation of drilling fluid/air until drill cuttings have been removed from the borehole, and the borehole is free of any debris or obstructions to facilitate geophysical logging or installation of lining materials.
- 1.3 After the final depth has been reached, a geophysical down-hole logging is recommended. Geophysical logging operations should include but not necessarily be limited to the gamma-ray and resistivity logging techniques. The logging(s) must be carried immediately following completion of the borehole operations .
- 1.4 While the required borehole depth may depend on the actual site hydrogeological conditions, it is recommended that well should be at least 50 metres deep. Groundwater source from the well should be extracted from the depth at least 30m below ground level.

2.0 BOREHOLE SAMPLING AND GEOLOGIC LOGGING

- 2.1 Samples of rock strata penetrated should be collected at regular interval (3 meters) or where there is a change in the rock type. Care must be taken to accurately determine and record the actual depth from which each sample is taken.
- 2.2 During drilling, geological logging should be carried out or supervised by a qualified professional (geologist) who will also be responsible for preparation of the log and the other diagrams and plans.
- 2.3 All drill cuttings/samples should be retained for inspection by authority.

3.0 WELL CASING AND INSTALLATION

- 3.1 Unstable sections of subsurface formation through which the borehole penetrated must be cased.
- 3.2 Casing installed should be resistant to corrosion. Stainless steel is recommended, although metal alloy and plastic well casings may be used.
- 3.3 Top of casing should extend above known local flood level and recovered with a lockable cap.

- 3.4 In consolidated formations, the lower end of the casing should be driven to at least 1.5 meters into firm hard rock and cemented in place.
- 3.5 All casing joints should be made water-tight.
- 3.6 A dip tube, or in its place a separate observation hole, should be included to facilitate water level measurement.

4.0 WELL GROUTING

- 4.1 Grouting consists of filling the annular space with an impervious material, with the main objective of providing sanitary protection against potential contamination.
- 4.2 The grout should extend at least 5 metres from the ground level; however local ground conditions may warrant a more extensive grouting.
- 4.3 Materials for grouting should provide good bonding to the casing, and should not shrink or develop cracks after emplacement.
- 4.4 For most purposes, bentonite or Portland cement may be used.
- 4.5 Grout thickness should be at least 50mm all round.
- 4.6 The grouted section should be capped by a concrete plinth/apron.

5.0 WELL COMPLETION/ DEVELOPMENT

- 5.1 Completed wells should be developed until the return water is clear and free of sediments.
- 5.2 All drilling medium (mud, polymer or other chemical additives) used during the course of drilling must be removed through well development. Drilling mud containing additives which would affect the quality of the groundwater should not be used(eg. Those containing heavy metal compounds.)
- 5.3 If any disinfection is to be done, chemicals used should conform to requirement of local health authorities, and should be completely removed after disinfection.
- 5.4 For a well which is cased over the entire depth of the borehole, the internal space of the well must be clean and free of debris or sediments/ slime. Similarly, for a well which is open(uncased) at the bottom section, the well interior must not contain fallen debris or other fine materials.

6.0 GEOLOGIC LOG AND WELL DESIGN

- 6.1 For the complete well, general and technical information should be provided in addition to the geological log.
- 6.2 A fully labelled drawing showing the well design and the type of rocks penetrated should be included.

7.0 PUMPING TESTS

- 7.1 The completed well should test-pumped for its potential yield and drawdown characteristics. Both the step-drawdown and constant discharge tests should be carried out on the same well, and all discharge measurements as the time related water level drawdown data must be recorded.
- 7.2 For the step-drawdown test, a 5-step incremental discharge rate is recommended, and each step should be pumped for at least one hour.
- 7.3 For the constant discharge test, the period of pumping will depend on field hydrogeologic conditions. In general, a duration of 24-72 hours is recommended.
- 7.4 Recovery test was conducted immediately after the pump was switched off until residual drawdown reach at least 5% of static water level.

8.0 WATER SAMPLING AND ANALYSIS

- 8.1 A representative sample of the water in the well should be collected, preserved accordingly, and analysed to determine its quality and suitability for mineral water.
- 8.2 Before a sample is taken, the container should be thoroughly cleaned and rinsed at least three times with the water to be sampled.
- 8.3 The parameters to be analysed should conform to the requirements of the Food Regulation 1985.

CONTOH FORMAT SURAT PERMOHONAN PERAKUAN DAN SOKONGAN DARI
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS WILAYAH ATAU NEGERI

Nama dan alamat syarikat atau kepala surat syarikat

No. Rujukan :
Tarikh :

Pengarah

.....
.....
.....
.....

(Nama dan alamat Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains)

Tuan,

PERMOHONAN PERAKUAN DAN SOKONGAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS
BAGI PUNCA AIR TANAH

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan punca air tanah yang dipohon untuk perakuan dan sokongan bagi permohonan lesen AMB*/AMS adalah berada di alamat

.....
(Alamat lengkap punca air)

3. Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen berikut untuk semakan dan pertimbangan pihak tuan.

- i. Manual Sistem Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus dan Air Mineral Semulajadi.
- ii. Laporan keputusan analisa mikrobiologi, kimia dan radioaktif bagi punca dari Jabatan Kimia Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia.

4. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.
Sekian, terima kasih.

Saya yang benar

(Tandatangan dan nama pemohon)

Alamat Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah dan Negeri

**PENGARAH MINERAL DAN GEOSAINS PERAK
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
KARUNG BERKUNCI NO.2
TAMAN IPOH
31409 IPOH, PERAK**

e-mail : jmgprk@jmg.gov.my

No.Tel : 05-5457424

No.Tel (LK) : 05-5486966/05-5487966/05-5489457

**PENGARAH MINERAL DAN GEOSAINS SARAWAK
